

SK.SI RUSA
PORT DICKSON , NEGERI SEMBILAN NSDK

MINIT MESYUARAT
PANITIA SAINS KALI KEDUA 2015

Tarikh : 16/04/2015
Hari : KHAMIS
Masa : 1.40 – 3.00 Petang
Tempat: Bilik Gerakan
Kehadiran : Pn. Maria Bt Mior Mohd Yusof
Pn.Haslinda Binti Abd Khair (Ketua Panitia Sains)
Cik Nur Adilah Binti Mohd Paiz (Setiausaha Panitia Sains)
Pn.Nor Aini Binti Ismail
Pn.Nor Azlina Binti Abd.Hamid
Pn. Noor Laily Binti Shoed
En. Mohd Aizat bin Abd Rahman

Tidak Hadir (Bersebab)

: En Helmi Binti Abd Hamid

- 1.0 Ucapan Pengerusi (Pn. Haslinda Binti Abd Khair)
 - 1.1 Pengerusi mengucapkan salam keagamaan kepada semua yang hadir
 - 1.2 Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian guru – guru sains kerana sudi meluangkan masa.
 - 1.3 Pengerusi menerangkan tujuan mesyuarat dijalankan adalah untuk merancang aktiviti untuk tahun 2015.
 - 1.4 Pengerusi juga memaklumkan pencerapan dan pemeriksaan buku latihan adalah mengikut takwim sekolah.
Tindakan : Guru Sains

- 2.0 Ucapan GPK Akademik (Pn. Maria Bt Mior Mohd Yusof)
 - 2.1 Beliau mengucapkan ribuan terima kasih kerana menjemputnya hadir dan kesudian guru-guru mengadakan mesyuarat.
 - 2.2 Menggalakkan semua guru sains terus berusaha dalam menyampaikan ilmu kepada murid – murid dengan bersungguh – sungguh dan ikhlas.
 - 2.3 Beliau menerangkan bahawa matapelajaran Sains dan Matematik merupakan masalah utama dalam UPSR. Kekurangan pelajar mendapat 5A dalam UPSR kerana gagal mendapat A dalam matapelajaran Sains dan Matematik.
 - 2.4 Beliau mengaharapkan guru-guru dapat merancang program untuk meningkatkan pencapaian murid-murid. Sebagai contoh; PROTIM.
Tindakan : Guru Sains

- 3.0 Pengesahan Minit Mesyuarat Panitia Sains Kali Pertama 2015
- 3.1 Cadangan : Pn.Nor Aini Binti Ismail
 - 3.2 Sokongan : Pn.Nor Azlina Binti Abd.Hamid
 - 3.3 Pengerusi membentangkan minit mesyuarat kali pertama.
 - 3.3.1 Rancangan Mengajar telah diselaraskan dan ditulis sepenuhnya dalam bahasa Melayu. Pengerusi mengucapkan terima kasih atas kerjasama guru-guru.
 - 3.3.2 Guru-guru Sains telah mengambil perhatian sepenuhnya terhadap terhadap perkara-perkara yang telah dirancang.
 - 3.3.3 Galakan terhadap penggunaan bilik Sains termasuk murid-murid Tahap 1 diteruskan.
 - 3.3.4 Aktiviti-aktiviti untuk murid Tahun 3,4,5 dan 6 dijalankan mengikut takwim sekolah.
 - 3.3.5 Perancangan Strategik pada tahun yang sebelumnya diteruskan.
 - 3.3.6 Guru hendaklah memastikan buku penilaian PEKA dan penilaian berasaskan sekolah murid dilengkapkan dari semasa ke semasa.
 - 3.3.7 Usaha untuk membuat pembahagian untuk Tahap 1 dan Tahap 2 bagi ruangan papan kenyataan diteruskan. Maklumat perlu diisi mengikut jadual yang akan ditetapkan.

Tindakan : Guru Sains

4.0 Perkara Berbangkit

- 4.1 LCD masih belum dipasang secara tetap di dalam bilik Sains.
- 4.2 Keadaan fizikal bilik Sains
 - 4.2.1 Cermin tingkap masih tidak dibaiki. Haiwan lain seperti kucing dapat masuk dan mengotorkan bilik Sains.
 - 4.3 Guru-guru diingatkan untuk meminta kerjasama murid untuk menjaga kebersihan bilik Sains sebelum keluar dari bilik Sains selepas sesi Pengajaran dan Pembelajaran.
 - 4.2.3 Guru-guru juga diingatkan untuk meminta kerjasama guru-guru kelas yang perlu menempatkan murid-murid di bilik Sains untuk turut serta dalam penjagaan bilik Sains dari aspek kebersihan dan kekemasan peralatan di dalam bilik Sains.
 - 4.2.4 Semua guru Sains digalakkan untuk menggunakan bilik dan peralatan Sains agar dapat memastikan keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Sains.

Tindakan : Sekolah

5.0 Soalan Peperiksaan, Bank Soalan, Buku Kerja dan Latihan.

- 5.1 Soalan peperiksaan disusun mengikut susunan di dalam borang yang telah disediakan oleh Setiausaha Peperiksaan.
- 5.2 Pengumpulan soalan di bank soalan selepas peperiksaan oleh guru-guru matapelajaran Sains.
- 5.3 Penggunaan buku kerja adalah seperti yang telah disenaraikan.
- 5.4 Penggunaan 2 buah buku panjang, 1 buah nota Sains dan 1 buah buku latihan diteruskan.

Tindakan : Guru Sains

6.0 Perancangan Strategik

6.1 Perancangan Strategik 2013-2015 digunakan seperti sebelumnya bersama-sama Pelan Operasi.

7.0 Hal-hal Lain

7.1 Kemahiran dan Pengetahuan KPS & KMS haruslah ditingkatkan.

7.2 Pengubahsuaian bilik Sains dari aspek kelengkapan perabot adalah diharapkan; LCD.

7.3 Harapan untuk mengurangkan penggunaan bilik Sains bagi tujuan lain; bilik pemeriksaan gigi oleh Kakitangan Kesihatan.

7.4 Kekangan pertembungan masa antara guru-guru Sains memberi kesan terhadap kelancaran penggunaan bilik Sains.

8.0 Ucapan Penangguhan

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 3.00 petang.

Disediakan oleh:

Disemak oleh:

Disahkan oleh:

(Cik Nur Adilah bt Mohd Paiz)
Setiausaha Panitia Sains
Sekolah Kebangsaan Si Rusa

(Pn. Haslinda bt Abdul Khair)
Ketua Panitia Sains
Sekolah Kebangsaan Si Rusa

(Pn. Maria bt Mior Mohd Yusof)
GPK Akademik
Sekolah Kebangsaan Si Rusa